



30 September 2014
30 September 2014
P.U. (A) 265

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PERISYTIHARAN WANG TUNAI DAN INSTRUMEN BOLEH NIAGA PEMBAWA) 2014

ANTI-MONEY LAUNDERING, ANTI-TERRORISM FINANCING AND PROCEEDS OF UNLAWFUL ACTIVITIES (CASH AND BEARER NEGOTIABLE INSTRUMENTS DECLARATION) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

**AKTA PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM 2001**

**PERINTAH PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM, PENCEGAHAN PEMBIAYAAN
KEGANASAN DAN HASIL DARIPADA AKTIVITI HARAM (PERISYTIHARAN WANG TUNAI
DAN INSTRUMEN BOLEH NIAGA PEMBAWA) 2014**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 28B(1), 28C(1) dan 28E(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [*Akta 613*], pihak berkuasa berwibawa membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (Perisyiharan Wang Tunai dan Instrumen Boleh Niaga Pembawa) 2014.**

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2014.

Perisyiharan di bawah subseksyen 28B(1)

2. Mana-mana orang yang meninggalkan atau memasuki Malaysia dengan suatu amaun wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwibawa dalam Borang Kastam No. 22 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977 [P.U. (A) 162/1977].

Perisyiharan di bawah subseksyen 28C(1)

3. (1) Mana-mana orang yang memindahkan ke dalam Malaysia melalui perkhidmatan pos, kiriman cepat atau penghantar muatan, atau melalui apa-apa cara lain, apa-apa wang tunai, instrumen boleh niaga pembawa atau kedua-duanya yang melebihi suatu amaun yang bersamaan dengan sepuluh ribu dolar Amerika Syarikat (USD10,000) hendaklah mengisytiharkan amaun itu kepada pihak berkuasa berwibawa dalam Borang Kastam No. 1 sebagaimana yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Kastam 1977.